

Sabtu, 2 Mei 2020 | 1:11pm



Rosol (dua dari kiri) meninjau stok barang keperluan di sebuah syarikat pemborong di Kuantan, hari ini. - Foto Asrol Awang

## Banteras peniaga sorok barang keperluan harian

Oleh Asrol Awang  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**KUANTAN:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) beri amaran akan bertindak tegas memerangi peniaga yang sengaja mahu mencari keuntungan dengan menyorok bekalan barang keperluan harian ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid, berkata kementerian itu akan terus melakukan operasi pemeriksaan bagi mengambil tindakan terhadap peniaga demi melindungi kebajikan pengguna.

Beliau memberi jaminan, peniaga tidak bertanggungjawab itu tidak akan terlepas daripada tindakan penguatkuasaan dan boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Harga Anti Pencatutan (AKHAP) 2011.

"Dalam keadaan mengaut keuntungan jangan terlalu melampau hingga menindas dan membebankan pengguna.

"Berdasarkan pemeriksaan dan operasi yang kita lakukan, peniaga mula sedar dan tidak berani untuk menyorok bekalan bagi mengelak dikenakan tindakan," katanya pada sidang media selepas membuat tinjauan sebuah syarikat pemberong di Indera Mahkota, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna) KPNDNEP, Mohamed Zahari Razali, Timbalan Pengarah Penguatkuasaan KPDNHEP, Azman Adam dan Ketua pegawai Penguatkuasaan KPDNHEP Pahang, Ahmad Fitri Ali.

Selain itu, Rosol juga meminta pengguna tidak melakukan pembelian panik Isnin ini, apabila orang ramai sudah mula boleh keluar bekerja dan kebetulan baharu menerima gaji selain bantuan kerajaan.

Ini kerana, katanya, bekalan barang keperluan mencukupi sepanjang Ramadan dan sambutan Aidilfitri.

"Berdasarkan jumlah stok bekalan makanan dan bekalan keperluan harian di negara ini, ia mencukupi sehingga tempoh sembilan bulan.

"Oleh itu, pengguna tidak perlu melakukan pembelian panik kerana KPDNHEP melakukan pemeriksaan stok bekalan barang keperluan setiap hari termasuk pemantauan harga.

"Sebaiknya, beli barang keperluan sekadar yang perlu kerana stok bekalan barang keperluan mencukupi," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/684263/banteras-peniaga-sorok-barangan-keperluan-harian>